

BATU PAHAT 3 JUN (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI PENDAFTARAN RAKYAT SEBAGAI PENLUNDI ADALAH PENTING SEBAGAI LANGKAH MENENTUKAN MASA DEPAN NEGARA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, MEREKA YANG LAYAK MENGUNDI HENDAKLAH MENDAFTARKAN DIRI SEMENTARA YANG TELAH MENDAFTAR PULA HARUS MENYEMAK SEMULA PENDAFTARAN MEREKA.

MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN BATU PAHAT DI SINI, BELIAU MENAMBAH, PENYEMAKAN SEMULA ITU ZOLEH MENGELAKKAN BERLAKUNYA KEKECOHAN KETIKA HENDAK MENGUNDI KELAK.

DR. MAHATHIR MENGINGATKAN RAKYAT BAHAWA KUASA MENGUNDI ITU ADALAH SENJATA BAGI MEREKA MENENTUKAN CORAK KERAJAAN YANG MEREKA MAHUKAN.

+JIKA RAKYAT LALAI DAN TIDAK MENYEDAGI TANGGUNGJAWAB MEREKA KERAJAAN YANG AKAN DIBENTUK MUNGKIN TIDAK AKAN DAPAT MENJAGA KEPENTINGAN MEREKA+, KATANYA.

BELIAU JUGA MENGINGATKAN AHLI-AHLI UMNO TENTANG USAHA SETENGAH-SETENGAH GOLONGAN YANG MENGGUNAKAN AGAMA SEBAGAI ALAT UNTUK MELEMAHKAN PERPADUAN ORANG-ORANG MELAYU. --BERSAMBUNG 1600/BY

MAHATHIR - UMNO 2 BATU PAHAT

DALAM UCAPANNYA KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN SEMERAH DEKAT SINI PULA, DR. MAHATHIR BERKATA, UMNO BUKAN SAHAJA MEMBERI PERHATIAN KEPADA CADANGAN SETIAP AHLI. DENGAN ITU, SETIAP AHLI UMNO PERLU MENGAMBIL KESEMPATAN DARI MESYUARAT SEPERTI YANG DIADAKAN ITU BAGI MENYUARAKAN PENDAPAT MEREKA MENGENAI BERBAGAI PERKARA.

TENTANG DASAR EKONOMI BARU, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, TUJUAN KERAJAAN MENGADAKAN DASAR ITU TALAH UNTUK MENGUJUDKAN PERSEIMBANGAN DI BIDANG EKONOMI DI KALANGAN RAKYAT.

+SEBAGAI SEBUAH NEGAARA YANG MEMPUNYAI RAKYAT BERBILANG KAUM PERSEIMBANGAN DI BIDANG EKONOMI ADALAH PERLU SEBAGAI LANGKAH UNTUK MENGELAKKAN TIMBULNYA PERASAAN IRIHATI DI KALANGAN RAKYAT+, TEGASNYA.

MENGENAI BARISAN NASIONAL, DR. MAHATHIR BERKATA, PEMBENTUKANNYA MENUNJUKKAN BAHAWA UMNO BUKAN SEBUAH PERTURUHAN YANG TAMAKKAN KUASA. --BERNAMA 1605/BY